

Pendidikan Akhlak Menurut Kaedah Al-Ghazali

Azmil Hashim , Mas 'Ani Ahmad & Misnan Jemali*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

*azmil@upsi.edu.my**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kaedah yang disaran oleh Al-Ghazali dalam mendidik akhlak seseorang individu itu dipraktikkan oleh pelajar. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat perbezaan antara jantina terhadap kaedah pendidikan akhlak tersebut. Kajian ini merupakan kajian rintis yang telah dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Agama sekitar daerah Batang Padang, Perak. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang pelajar lelaki dan 25 orang pelajar perempuan. Dapatan kajian diperoleh menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sebanyak 50 item telah diuji dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan 32 item berada pada tahap tinggi dengan min antara (3.01-5.00) manakala 18 item lagi berada pada tahap sederhana tinggi (min=2.01-3.00) Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa semua kaedah berada pada tahap yang tinggi (min=4.14, sp.=0.76). Secara keseluruhan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min responden lelaki dan perempuan terhadap kaedah pendidikan akhlak.

PENDAHULUAN

Pendidikan akhlak amat penting kerana sebelum seseorang itu menerima pelajaran, haruslah untuknya menyucikan dahulu hati dan jiwa agar mudah untuk menerima ilmu baru. Akhlak atau disposisi kejiwaan seseorang adalah tidak beku atau statik tetapi bersifat responsif terhadap pendidikan, latihan, nasihat, tunjuk ajar, peraturan, undang-undang dan disiplin (Mohd Nasir 2010). Akan tetapi, tahap pencapaian manusia dalam menerima pendidikan dan perubahan adalah berbeza.

Akhlak didefinisikan oleh Al-Ghazali sebagai kestabilan jiwa yang mendorong seseorang untuk membuat kebaikan tanpa paksaan. Sesetengah manusia responsif terhadap pendidikan dan berubah menjadi baik dalam jangka masa yang singkat dan sesetengah yang lain pula agak sukar berubah dan kekal dalam keadaan asal walaupun menerima pendidikan yang sama. Manakala, kebanyakannya berada pada tahap sederhana atau pertengahan iaitu memiliki akhlak yang baik dan buruk sekaligus. Namun, jika tiada siapa yang ambil peduli dan terus membiarkan manusia dalam keadaan semula jadi, sudah tentu kelakuan yang buruk akan menguasai diri seseorang itu (Al-Qasimi 2009; Mohd Nasir 2010).

PENYATAAN MASALAH

Keadaan masalah akhlak pelajar masa kini dapat dilihat berdasarkan tingginya angka salah laku pelajar dari tahun ke tahun sedangkan, kurikulum Pendidikan Islam yang menyediakan pendidikan akhlak secara formal telah dijalankan dari peringkat sekolah rendah lagi. Satu fenomena yang lebih membimbangkan ialah wujudnya pelajar-pelajar yang mengambil aliran agama di sekolah turut sama tergolong dalam aktiviti salah laku ini. Fadil Sahak (2001), telah mengemukakan 32 jenis salah laku pelajar di sekolah agama. Dapatan kajian beliau mendapati sekolah tersebut terlibat dengan masalah akhlak walaupun bersekolah dalam aliran agama.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada masalah ini ialah tekanan emosi. Fathiyah Mohd Fakhrudin (2002), menjelaskan tekanan emosi dalam kalangan remaja adalah satu fenomena yang tidak asing lagi. Ini berlaku kerana remaja sedang melalui perubahan yang besar dalam hidupnya dan mereka masih belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam menangani permasalahan yang wujud.

Faktor persekitaran serta sikap ibu bapa mahupun guru yang kurang membantu juga boleh menyebabkan remaja ini berhadapan dengan ketidakstabilan emosi yang menjurus ke arah kemerosotan akhlak dan perlakuan jenayah. Bagi Azhar Ahmad (2006), perkara yang lebih utama adalah tentang sejauh manakah pengetahuan dan kefahaman tersebut dihayati sehingga mampu membentuk minda, perasaan dan jiwa pelajar dengan nilai-nilai ajaran Islam dan seterusnya menterjemahkannya melalui akhlak yang ditonjolkan dalam kehidupan seharian.

KAEDAH PENDIDIKAN AKHLAK AL-GHAZALI

Proses pembentukan akhlak manusia yang terdiri dari pelbagai kategori memerlukan beberapa kaedah. Mohd Nasir (2010), memperincikan antara pendekatan yang dicadangkan oleh Al-Ghazali ialah kaedah '*mujahadah*' (perjuangan) atau menurut Asmawati Suhid (2009) ia bermaksud menanam keazaman yang kuat dan kaedah kedua ialah '*riyadah*' (latihan) yang merujuk kepada kaedah pendidikan dengan cara bersusah payah melaksanakan akhlak terpuji sehingga ia menjadi satu tabiat atau kebiasaan yang menyeronokkan bagi seseorang. Mengusahakan akhlak yang mulia amat perlu kepada sifat bersungguh-sungguh dalam melatih jiwa. Segala amalan yang membawa kepada tujuan budi pekerti yang dikehendaki oleh seseorang boleh dimulakan dengan paksaan terhadap tingkah laku dan jiwanya. Apabila ia selalu dilakukan ia akan menjadi ringan dan mudah. Ini menunjukkan tujuan dalam memperjuangkan sesuatu yang sukar telah tercapai.

Kaedah seterusnya pula amat berkait rapat dengan peniruan. Kaedah ketiga ialah pemerhatian manakala kaedah keempat ialah pergaulan. Akhlak yang luhur dapat dimiliki dengan cara memerhati dan bergaul dengan individu-individu yang berakhlak mulia. Secara tabiinya, manusia bersifat meniru tingkah laku orang lain baik secara sedar ataupun tidak. Atas dasar itu, seseorang perlu bijak dalam pergaulan kerana bergaul dengan orang baik akan membolehkan seseorang mempelajari pelbagai tabiat baik yang dipamerkan sekaligus mencontohi tabiat tersebut. Aktiviti membaca buku-buku sejarah yang memaparkan perjuangan dan akhlak tokoh-tokoh tersohor juga mampu membantu dalam membentuk akhlak mulia pembacanya (Al-Ghazali,2006).

Manakala kaedah yang kelima pula menurut Al-Ghazali (2006) ialah kaedah *muhasabah* (membaiki kelemahan diri). Pelbagai cara boleh dilakukan untuk koreksi diri antaranya dengan mendampingi guru yang mampu membuat observasi terhadap diri seseorang dan tidak lokek dalam memberi nasihat untuk memperbaiki kelemahan diri. Kelemahan diri juga boleh diketahui dengan meminta kritikan dan nasihat dari rakan yang amat dipercayai. Begitu juga dengan benar-benar menginsafi segala kritikan musuh atau orang yang tidak suka kepada kita. Akhir sekali, kita perlu bergaul dengan semua lapisan anggota masyarakat kerana dalam pergaulan kita dapat mengesan penyakit atau keaiban yang terdapat dalam masyarakat dan adakah kita turut sama menghidapinya. Apabila kita sudah mengenal siapa diri, mudahlah untuk kita membaiki kelemahan tersebut.

Justeru, satu kajian rintis telah dijalankan untuk melihat sejauh mana pengaplikasian responden terhadap lima kaedah yang telah disarankan oleh Al-Ghazali (2006) ini.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisis kaedah pendidikan akhlak yang diamalkan oleh pelajar di Sekolah Menengah Agama.
- ii. Melihat perbezaan kaedah pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama berdasarkan jantina.

HIPOTESIS KAJIAN

- Ho₁ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah mujahadah dalam pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho₂ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah riyadhah dalam pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho₃ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah pemerhatian dalam pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho₄ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah pergaulan dalam pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho₅ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah muhasabah dalam pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho₆ :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kaedah pendidikan akhlak antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian rintis yang telah dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Agama dalam Daerah Batang Padang, Perak. Ia melibatkan 50 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara rawak dengan mengambil jumlah yang sama banyak antara pelajar lelaki dan perempuan. Hasil analisis yang dilakukan mendapati nilai pekali alpha bagi tahap kebolehpercayaan borang soal selidik yang digunakan adalah tinggi iaitu melebihi 0.8.

Jadual 1: Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach

Bahagian B	Bilangan Item	Nilai Alpha
Kaedah Pendidikan Akhlak	50	0.895

Reka bentuk kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (survey). Instrumen yang digunakan ialah satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A: Latar Belakang Demografi Pelajar dan bahagian B: Kaedah Pendidikan Akhlak. Soal selidik ini dibina berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 yang telah dikategorikan dan diinterpretasikan kepada empat tahap seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 2: Interpretasi skor purata (Skala *Likert* 5)

Skor purata	Interpretasi
hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009)

DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif terhadap item-item dalam instrumen mengikut kaedah-kaedah berikut: mujahadah (10 item), riyadhah (10 item), pemerhatian (10 item), pergaulan (10 item) dan muhasabah (10 item).

Jadual 3: Analisis deskriptif bagi kaedah mujahadah

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
B01	Saya tetap akan menunaikan solat walau di mana saya berada	4.72	0.54	Tinggi
B02	Saya menjauhkan diri dari rakan-rakan yang mengumpat	3.44	0.84	Sederhana Tinggi
B03	Saya berusaha untuk senyum walaupun saya sedang letih	4.26	0.83	Tinggi
B04	Saya tidak berdendam dengan orang yang menyakiti saya	3.68	1.11	Sederhana Tinggi
B05	Saya menyiapkan apa jua tugas dengan baik	3.84	0.82	Sederhana Tinggi
B06	Saya membeli bahan bacaan ilmiah berbanding bacaan berunsurkan hiburan	3.68	0.91	Sederhana Tinggi
B07	Saya tidak akan menceritakan ibadah yang telah saya lakukan kepada orang lain	4.22	0.86	Tinggi
B08	Saya memastikan saya makan makanan yang halal dan baik sahaja	4.28	0.80	Tinggi
B09	Saya berusaha untuk menghadirkan diri apabila mendapat jemputan	4.04	0.90	Tinggi
B10	Saya tidak akan bermegah-megah dengan kelebihan yang saya ada	4.40	0.67	Tinggi
	Jumlah	4.05	0.83	Tinggi

Dapatan dalam jadual di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah mujahadah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.05 (Sp.=0.83). Secara keseluruhannya empat item berada di tahap sederhana tinggi manakala enam item yang lain berada pada tahap

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
B11	Saya menghulurkan derma jika melihat ada orang yang memerlukan	4.22	0.76	Tinggi
B12	Saya menjaga adab ketika makan agar tidak gelojoh dan terlalu kenyang	4.22	0.74	Tinggi
B13	Saya akan tiba lebih awal dari waktu yang dijanjikan	3.70	0.86	Sederhana Tinggi
B14	Saya bersabar dengan kerenah orang di sekeliling saya	3.70	0.81	Sederhana Tinggi
B15	Saya beristighfar apabila terlihat perkara yang tidak baik	3.88	0.85	Sederhana Tinggi
B16	Saya solat di awal waktu	3.66	0.69	Sederhana Tinggi
B17	Saya berpuasa bukan untuk mendapatkan ganjaran dari ibu bapa	4.82	0.48	Tinggi
B18	Saya menabung untuk mencapai impian saya menunaikan ibadah haji	4.08	0.66	Tinggi
B19	Saya akan berzikir dan berselawat setiap hari	4.16	0.65	Tinggi
B20	Saya mendoakan ibu bapa dan guru-guru saya setiap kali selepas solat	4.78	0.55	Tinggi
	Jumlah	4.12	0.71	Tinggi

yang tinggi terutamanya item B01 “Saya tetap akan menunaikan solat walau di mana saya berada” (min=4.72, sp.=0.54).

Jadual 4: Analisis deskriptif bagi kaedah riyadhah

Jadual 4 menunjukkan dapatan bagi kaedah riyadhah dalam pendidikan akhlak. Nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.12 (Sp.=0.71). Secara keseluruhannya, enam item berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B17 “Saya berpuasa bukan untuk mendapatkan ganjaran

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
B21	Ibu bapa saya merupakan contoh terbaik buat saya	4.82	0.44	Tinggi
B22	Sikap kawan-kawan yang baik membuatkan saya ingin menjadi seperti mereka	4.66	0.52	Tinggi
B23	Saya tidak mudah terpengaruh dengan fesyen dan trend terkini	3.48	0.95	Sederhana Tinggi
B24	Saya akan memastikan fesyen yang saya gayakan tidak menyalahi syariat agama	4.30	0.76	Tinggi
B25	Saya amat mengagumi tokoh-tokoh yang berjuang demi agama dan negara	4.66	0.56	Tinggi
B26	Guru-guru di sekolah saya mampu memberikan inspirasi kepada saya untuk mencontohi akhlak baik mereka	4.24	0.89	Tinggi
B27	Saya perlu bijak menggunakan media massa terutamanya internet agar saya tidak terjerumus ke arah perkara yang tidak senonoh	4.22	0.71	Tinggi
B28	Saya tidak suka melihat situasi seorang anak yang berkasar dengan ibu bapanya	4.78	0.55	Tinggi
B29	Gaya percakapan saya banyak dipengaruhi oleh gaya muda mudi masa kini	3.86	0.95	Sederhana Tinggi
B30	Melihat orang lain melakukan sesuatu maksiat membuatkan saya menjauhi perkara itu	4.26	0.83	Tinggi
	Jumlah	4.33	0.72	Tinggi

dari ibu bapa” (min=4.82, sp.=0.48). Manakala empat item berada di tahap sederhana tinggi dengan skor min terendah ialah item B16 “Saya solat di awal waktu” (min=3.66, sp.=0.60).

Jadual 5 : Analisis deskriptif bagi kaedah pemerhatian

Jadual di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah pemerhatian turut berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.33 (Sp.=0.72). Terdapat dua item sahaja berada di tahap sederhana tinggi iaitu item B23 “Saya tidak mudah terpengaruh dengan fesyen dan trend terkini” (min=3.48, sp.=0.95) dan item B28 “Gaya percakapan saya banyak dipengaruhi oleh gaya muda mudi masa kini” (min=3.86, Sp.=0.95) manakala lapan item lain berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B21 “Ibu bapa saya merupakan contoh terbaik buat saya” (min=4.82, sp.=0.44).

Jadual 6 : Analisis deskriptif bagi kaedah pergaulan

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
B31	Saya menjaga percakapan dan tingkah laku saya dengan semua orang	3.82	0.69	Sederhana Tinggi
B32	Saya selalu berkongsi cerita dengan ibu bapa saya	4.08	0.97	Tinggi
B33	Saya tahu bahawa apabila saya berkelakuan tidak baik, rakan-rakan akan menjauhkan diri mereka dari saya	4.44	0.81	Tinggi
B34	Hubungan saya dengan adik beradik saya adalah baik dan mesra	4.24	0.92	Tinggi
B35	Saya menghormati semua guru saya	4.16	0.82	Tinggi
B36	Menziarahi sanak saudara menjadi amalan saya	3.68	0.68	Sederhana Tinggi
B37	Saya melayan tetamu saya dengan mesra	4.00	0.76	Tinggi
B38	Saya mengenali semua jiran saya	3.72	1.09	Sederhana Tinggi
B39	Saya selalu berbuat baik dengan haiwan	3.84	0.79	Sederhana Tinggi
B40	Saya menjaga alam sekitar agar persekitaran selesa	3.90	0.71	Sederhana Tinggi
	Jumlah	3.99	0.82	Sederhana Tinggi

Bagi kaedah pergaulan pula, ia berada pada tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan ialah 3.99 (sp.=0.82). Lima item di skor sederhana tinggi dan lima item di skor tinggi namun skor tertinggi ialah pada item B33 “Saya tahu bahawa apabila saya berkelakuan tidak baik, rakan-rakan akan menjauhkan diri mereka dari saya” (min=4.44, sp.=0.81).

Jadual 7 : Analisis deskriptif bagi kaedah muhasabah

Kod	Item	Min	Sp.	Interpretasi
B41	Saya meminta nasihat dari orang yang saya percaya untuk menegur kesalahan saya	4.48	0.76	Tinggi
B42	Saya menilai kembali apa yang telah saya lakukan setiap hari	3.82	0.75	Sederhana Tinggi
B43	Saya melakukan solat taubat	3.46	0.89	Sederhana Tinggi
B44	Saya menerima teguran dari rakan-rakan saya dengan hati yang terbuka	4.10	0.71	Tinggi
B45	Saya menghadiri majlis dan kelas agama untuk mempertingkatkan ilmu agama dan memperbaiki diri	4.22	0.68	Tinggi
B46	Saya dapat mengetahui kekurangan diri saya melalui kata-kata dari musuh saya	4.04	0.97	Tinggi
B47	Saya banyak membaca buku-buku yang boleh meningkatkan motivasi diri saya	3.64	0.94	Sederhana Tinggi
B48	Saya redha atas segala kekurangan yang ada pada diri saya	4.56	0.79	Tinggi
B49	Saya bersyukur dengan segala kelebihan yang dianugerahkan Allah kepada saya	4.90	0.30	Tinggi
B50	Saya yakin bahawa semua yang berlaku ada hikmah di sebaliknya	4.72	0.50	Tinggi
	Jumlah	4.19	0.73	Tinggi

Paparan dalam jadual di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah muhasabah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.19 (Sp.=0.73). Secara keseluruhannya terdapat tiga item berada di tahap sederhana tingi dengan skor terendah ialah item B43 “Saya melakukan solat taubat” (min=3.46, sp.=0.89) manakala item yang lain berada pada tahap yang

tinggi terutamanya item B49 “Saya bersyukur dengan segala kelebihan yang dianugerahkan Allah kepada saya” (min=4.90, sp.=0.30).

Jadual 8: Perbandingan min kaedah pembelajaran akhlak

KAEDAH PEMBELAJARAN AKHLAK	MIN	Sp.	Interpretasi
Mujahadah	4.05	0.83	Tinggi
Riyadhah	4.12	0.71	Tinggi
Pemerhatian	4.33	0.72	Tinggi
Pergaulan	3.99	0.82	Sederhana Tinggi
Muhasabah	4.19	0.73	Tinggi
KESELURUHAN	4.14	0.76	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua kaedah pendidikan akhlak para pelajar. Dapatan keseluruhan menjelaskan bahawa semua kaedah berada pada tahap yang tinggi (min=4.14, sp.=0.76). Kaedah yang mencapai skor tertinggi ialah Pemerhatian dengan min 4.33 (sp.=0.72) diikuti Muhasabah (min=4.19, sp.=0.73), Riyadhah (min=4.12, sp.=0.71), Mujahadah (min=4.05, sp.=0.83) dan Pergaulan (min=3.99, sp.=0.82).

Analisis Inferensi

Dapatan yang diperoleh juga dianalisis secara inferensi untuk melihat perbezaan antara pelbagai pemboleh ubah bersandar (kaedah-kaedah pendidikan akhlak) dengan pemboleh ubah bebas (jantina).

Jadual 9: Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah mujahadah mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Mujahadah	Lelaki	25	4.10	0.44	0.758	0.452
	Perempuan	25	4.00	0.46		

Jadual 9 merupakan hasil ujian-t kaedah mujahadah mengikut jantina yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.452$, $p>0.05$). Dengan ini, H_{01} adalah diterima. Ini menunjukkan penggunaan kaedah mujahadah dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 10: Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah riyadhah mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Riyadhah	Lelaki	25	4.23	0.28	2.088	0.042
	Perempuan	25	4.01	0.44		

Jadual 10 adalah hasil ujian-t kaedah riyadhah mengikut jantina yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.042$, $p<0.05$). Dengan ini, H_{02} adalah ditolak. Ia juga menunjukkan penggunaan kaedah riyadhah dalam kalangan responden lelaki lebih tinggi dari responden perempuan.

Jadual 11: Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah pemerhatian mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Pemerhatian	Lelaki	25	4.34	0.34	0.260	0.796
	Perempuan	25	4.31	0.31		

Jadual 11 merupakan hasil ujian-t kaedah pemerhatian mengikut jantina yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.796$, $p>0.05$). Dengan ini, H_{03} adalah diterima. Ini menunjukkan penggunaan kaedah pemerhatian dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 12 : Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah pergaulan mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Pergaulan	Lelaki	25	4.06	0.55	1.001	0.322
	Perempuan	25	3.02	0.40		

Jadual 12 merupakan hasil ujian-t kaedah pergaulan mengikut jantina yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.322$, $p>0.05$). Dengan ini, H_{04} adalah diterima. Ini menunjukkan penggunaan kaedah pergaulan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 13 : Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah muhasabah mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Muhasabah	Lelaki	25	4.21	0.35	0.295	0.770
	Perempuan	25	4.18	0.32		

Jadual 13 merupakan hasil ujian-t kaedah muhasabah mengikut jantina yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.770$, $p>0.05$). Dengan ini, H_{05} adalah diterima. Ini menunjukkan penggunaan kaedah muhasabah dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 14: Ujian-t perbezaan aplikasi kaedah-kaedah pendidikan akhlak mengikut jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sp.	Nilai t	Nilai p
Kaedah Pendidikan Akhlak	Lelaki	25	4.19	0.31	1.141	0.259
	Perempuan	25	4.09	0.32		

Jadual 14 merupakan hasil ujian-t kaedah pendidikan akhlak mengikut jantina yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.259$, $p>0.05$). Dengan ini, H_{06} adalah diterima. Ini menunjukkan penggunaan kaedah muhasabah dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Sebanyak 50 item telah diuji bagi menilai kaedah pendidikan akhlak yang diamalkan oleh pelajar di Sekolah Menengah Agama. Berdasarkan dapatan kajian, didapati sebanyak 32 item berada pada tahap tinggi manakala 18 item lagi berada pada tahap sederhana tinggi menyebabkan dapatan keseluruhan adalah tinggi iaitu ($\text{min}=4.14$, $\text{sp.}=0.76$). 18 item yang berada di bawah $\text{min}=3.01$ menunjukkan sebahagian pelajar tidak begitu mempraktikkan kaedah pendidikan akhlak dalam diri mereka. Ini dikhuatiri akan menyebabkan kesedaran mereka dalam memperbaiki akhlak yang buruk dan meningkatkan akhlak yang baik kurang dapat dicapai.

Merujuk kepada dapatan kajian, kaedah pergaulan merupakan skor responden yang terendah. Ia berada pada tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan ialah 3.99 ($\text{sp.}=0.82$). Islam amat menitikberatkan hal pergaulan dan pemilihan sahabat (Asmawati 2009). Hal ini kerana manusia mudah terpengaruh dan meniru sifat serta perlakuan sahabat atau orang yang hampir dengannya. Maka, amatlah perlu untuk sentiasa berhati-hati dalam pergaulan.

Kaedah yang mencapai skor tertinggi ialah kaedah pemerhatian dengan min 4.33 ($\text{sp.}=0.72$). Kaedah ini turut melibatkan peniruan bagi pemerhati. Sebagai contoh, anak-anak akan sentiasa memerhati perilaku dan akhlak ibu bapa dan mereka akan meniru perilaku tersebut. Jika perilaku tersebut adalah baik dan mulia ia akan memberi kesan yang baik kepada akhlak anak-anak tetapi

amat dikhuatiri jika perkara sebaliknya yang menjadi contoh peniruan anak-anak. Abdullah Naseh 'Ulwan (1984), ada menegaskan bahawa contoh teladan yang baik mampu memberi pengaruh yang besar kepada pembentukan keperibadian mulia. Ini kerana, manusia lazimnya sentiasa mencari contoh atau idola untuk berjaya dalam kehidupannya. Justeru, contoh teladan yang paling hampir dengan anak-anak di rumah sudah pasti ibu bapa dan adik beradik manakala di sekolah pula guru-guru perlu mengambil peranan ini di samping rakan sebaya mereka.

Analisis perbezaan pula mendapati 5 daripada 6 hipotesis telah diterima manakala H_{02} adalah ditolak. Hasil ujian-t kaedah riyadhah mengikut jantina mendapati terdapat perbezaan antara responden lelaki dan perempuan ($p=0.042$, $p<0.05$). Penggunaan kaedah riyadhah dalam kalangan responden lelaki lebih tinggi dari responden perempuan. Kebiasaannya pelajar perempuan lebih rajin dan tekun berbanding pelajar lelaki (Abdul Halim Tamuri 2012). Akan tetapi, perbezaan dapatan tersebut tidaklah terlalu tinggi.

Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan terhadap kaedah pendidikan akhlak ($p=0.259$, $p>0.05$). Ini bermaksud, semua kaedah yang disarankan oleh Al-Ghazali ini amat sesuai untuk dipraktikkan tidak kira jantina asalkan individu tersebut betul-betul ingin memperbaiki akhlaknya. Al-Ghazali (1111), menekankan betapa pentingnya akhlak dalam kehidupan kerana ia sering diulang-ulang dalam al-Quran. Secara umumnya, dalam mengajar ajaran Islam perkara yang paling utama adalah akhlak. Beliau menambah, binatang-binatang buas terbukti boleh dilatih menjadi jinak dan akhirnya membawa banyak manfaat kepada manusia. Sepatutnya manusia yang dianugerahi akal dan mampu berfikir secara rasional pasti akan lebih berpotensi untuk menerima tarbiyah dan perubahan.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kaedah yang telah dibincangkan di atas adalah berpandukan saranan Al-Ghazali dalam penulisannya yang muktabar iaitu *Ihya' Ulum al-Din*. sama ada sedar ataupun tidak, lima kaedah ini sebenarnya memang telah lama dipraktikkan dalam mendidik adab dan akhlak. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi gambaran berkenaan kaedah-kaedah yang perlu dipupuk dan diamalkan dalam meningkatkan akhlak agar matlamat utama untuk menjadi individu yang berakhlak mulia itu dapat dicapai. Tujuan pendidikan akhlak akan dapat dicapai apabila nafsu menjadi patuh kepada arahan akal dan syariat. Inilah apa yang dimaksudkan oleh Al-Ghazali sebagai proses *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa). Proses membersihkan jiwa daripada akhlak yang buruk dan membina akhlak yang baik dalam jiwa seseorang (Mohd Nasir 2010). Oleh itu, dapat difahami bahawa proses pendidikan akhlak bukanlah sesuatu yang mudah. Ia perlu kepada kesungguhan, tidak kenal putus asa, membuat penilaian dalam pemerhatian, sentiasa memperbaiki pergaulan dan muhasabah diri untuk menjadi yang lebih baik.

RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri. 2011. Penghayatan Islam Melalui Amalan Pengajaran dan Pembelajaran. *Kertas Kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011*.
- Abdul Salam Yussof. 2003. *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Munawwar Ismail. 2009. Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1420H/1999. *Khuluk al-Muslim*. Ed. Ke-6. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2006. *Ihya' Ulum al-Din*. Kuala Lumpur Darul Fajar
- Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin. Terj. Panel Penterjemah. 2009. *Mutiara Ihya' Ulumuddin*. Shah Alam: Illusion Network.
- Asmawati Suhid. 2006. Pengajaran Adab Akhlak Islamiah Dalam Pembangunan Modal Insan. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*, Siri 5. 29-35.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Azhar Bin Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fadil Sahak. 2001. Masalah Salah Laku Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah Agama di Kelantan. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2002. Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah-sekolah Menengah di Ampang, Selangor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ghazali Bin Darusalam. 2008. Teori dan Model Pengajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jil. 1: 1-23.
- Hamid Reza Alavi. 2007. Al-Ghazali on Moral Education. *Journal on Moral Education*. Vol.36, No.3, September 2007, pp.309-319.
- Miqdad Yaljan. 1977. *At-tarbiyyah al-Akhlaqiyyah al-Islamiyyah*. Terj. Tajuddin Nur. 1986. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ulwan, Abdullah Nasih. 1995. *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*. Terj. Panel Penterjemah UKM. 2000. Jilid 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Zakaria Stapa. 2012. Tahap Pengetahuan Islam Pelajar di Sekolah Menengah di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Keberkesanan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Kebangsaan*.